

LAPORAN TAHUNAN

2023

MBPG



مَجْلِسُ بَانِدَارَايَاٰٰ پَاسِرِ گُودَانْ

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan

LAPORAN TAHUNAN

2023

MBPG



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan



ISI KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2023 • MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

01 PENGENALAN

Perutusan Datuk Bandar	6
Visi, Misi dan Objektif	8
Piagam Pelanggan	9
Kawasan Pentadbiran	10
Bendera Rasmi	11
Logo Rasmi	12
Logo Dynamic	13
Lagu Rasmi	14
Carta Organisasi	15
Barisan Kepimpinan MBPG	16
Ahli-Ahli Majlis MBPG	18

02 PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023	22
--------------------------------------	----

03 LAPORAN JABATAN, BAHAGIAN DAN UNIT

Jabatan Khidmat Pengurusan	74
• Bahagian Sumber Manusia	74
• Bahagian Pentadbiran Am	80
Jabatan Kewangan	83
Jabatan Penilaian Harta dan Pesuruhjaya Bangunan	84
• Bahagian Penilaian	84
• Bahagian Pesuruhjaya Bangunan	87
Jabatan Kejuruteraan	91
• Bahagian Jalan, Parit dan Saliran	91
• Bahagian Pembangunan Projek	92
• Bahagian Elektrik	92
Jabatan Kesihatan Awam Persekitaran dan Pelesenan	100
• Bahagian Alam Sekitar dan Keselamatan Industri	102
• Unit Kesihatan Am, Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Perbandaran	105
• Unit Kebersihan, Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Perbandaran	114
• Bahagian Pelesenan	117
• Unit Klinik Bandaraya Pasir Gudang	121

Jabatan Bangunan	126
• Bahagian Kelulusan Bangunan dan Kawalan Bangunan	126
• Bahagian Pembangunan Projek	128
Jabatan Perancang Bandar dan Lanskap	129
• Bahagian Kawalan Perancangan	130
• Bahagian Rancangan Pemajuan dan GIS	131
• Bahagian Lanskap	134
Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan	147
• Bahagian Undang-undang	147
• Bahagian Penguatkuasaan	149
Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial	155
• Bahagian Pengurusan Harta	155
• Bahagian Penyelenggaraan Aset	161
Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan	165
• Bahagian Pembangunan Sosial	167
• Bahagian Pembangunan Komuniti	176
• Bahagian Pelancongan	177
• Perpustakaan Awam Pasir Gudang	183
Bahagian Audit Dalam Dan Integriti	185
• Unit Audit Dalam	185
• Unit Integriti	186
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam	191
Bahagian Teknologi Maklumat	205
Unit Pengurusan Kontrak	208
Unit Pusat Sehenti (OSC)	212



Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang



LAPORAN TAHUNAN

2023

MBPG



01

PENGENALAN

مَحَلِّيٌّ بَنْدَارِيٌّ بَلْجُورِيٌّ فَاسِيرِجُوْدَانْغٌ

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

& SALAM DINAMIK PASIR GUDANG

ALHAMDULILLAH, ‘Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada Tuhan selain Allah, Allah Maha Besar, tiada daya dan upaya melainkan Allah’. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W serta ahli keluarganya, sahabat-sahabat baginda, para tabi’in dan seterusnya pewaris-pewaris perjuangannya.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat di atas penerbitan Laporan Tahunan Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2023. Saya juga merafakkan segala puji dan syukur kehadrat Allah SWT di atas limpah kurnianya yang telah menganugerahkan pelbagai nikmat yang tidak ternilai sehingga berjaya melaksanakan fungsi dan tugas Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sepanjang tahun 2023.

Saya kira masih tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada warga MBPG. Semoga tiada sebarang bentuk kenihilan yang mempengaruhi pentadbiran, budaya kerja dan mutu perkhidmatan MBPG bagi tahun ini. Tahun ini menandakan tahun ke-3 saya menggalas amanah dan tanggungjawab sebagai Datuk Bandar Pasir Gudang. Adalah menjadi harapan saya agar tahun ini akan lebih baik daripada tahun sebelumnya.

2023 adalah tahun yang penuh dengan dugaan dan cabaran. Kita diasak dengan faktor seperti ketegangan geopolitik global yang berterusan, pembatasan dasar monetari serta risiko kelembapan ekonomi yang semakin meningkat di seluruh dunia yang mampu mempengaruhi pembentukan polisi dan dasar kerajaan tempatan. Turut merisaukan peratus inflasi makanan dengan catatan kadar tinggi pada 5.8 peratus seperti yang dimaklumkan oleh YAB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Saya percaya cabaran yang mendatang sedikit sebanyak mematangkan pola pemikiran kita serta menggesa kita untuk sentiasa memberikan khidmat yang terbaik buat rakyat di Pasir Gudang.



Membuka gerbang tahun baru, antara peristiwa penting dan pencapaian tertinggi MBPG sepanjang tahun 2023 adalah :

- i. Penganugerahan MLAA Honour Award, Kategori Agensi Kerajaan – *Green Initiatives Awards* pada 27 Mei 2023 bagi projek Community Garden, Pasir Gudang sempena Majlis Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA 13) 2022.
- ii. Anugerah Gold Sempena International Convention On Quality Control (ICQCC) 2023 di Yanqi Lake International Convention & Exhibition, Beijing, China pada 30 Oktober 2023 hingga 2 November 2023.
- iii. Penganugerahan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam MBPG pada 1 Oktober 2023.
- iv. Pensijilan Anti Rasuah (ABMS) bagi PBT Johor pertama yg memperolehi Pensijilan Anti Rasuah bagi semua fungsi yang dilaksanakan di MBPG, tanpa pengecualian oleh mana-mana Jabatan/ Bahagian/Unit di dalam pelaksanaan ABMS.

Tidak dilupakan beberapa program dan acara penting MBPG yang pada tahun 2023 seperti :

- i. Temasya Bandaraya Pasir Gudang bersempena pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang Ke-3 tahun 2023 pada 18 hingga 26 November 2023.
- ii. Karnival Pencak Silat Beradat Antarabangsa Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2023 Kali Ke – 2 pada 19 hingga 22 Disember 2023.
- iii. Perasmian Pembukaan CB Bestari pada 22 November 2023.

Program dan acara yang sering mengetengahkan elemen signifikan seperti penglibatan komuniti, antarabangsa dan pembaharuan kemudahan perlu kerap dianjurkan agar imej cemerlang Pihak Berkuasa Tempatan dapat dikenalkan. Penganjuran program yang melibatkan komuniti secara kerap akan mengurangkan jurang yang besar di antara PBT dan rakyat.

Saya sering mengingatkan, kita berkhidmat untuk rakyat. Oleh itu, jalinan integrasi di antara komuniti dan MBPG amat penting bagi mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan komuniti terhadap perkhidmatan dan pentadbiran MBPG.



Saya sering mengingatkan, kita berkhidmat untuk rakyat.

Manakala, prestasi kewangan setakat sehingga 31 Disember 2023, MBPG telah mengutip cukai taksiran semasa 2023 sebanyak 120.6 juta (90.62%) daripada 133.1 juta yang dituntut. Bagi kutipan tunggakan cukai taksiran pula sebanyak 10.6 juta (30.19%) daripada jumlah tunggakan 35.3 juta.

Saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga kerja MBPG bahawa perkara paling asas yang perlu diperlakukan dalam pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan adalah budaya kerja, berintegriti, akauntabiliti dan ekuiti. Nilai-nilai kompeten ini mampu meningkatkan pencapaian warga MBPG, sekaligus menyakinkan pemegang taruh dan rakyat terhadap perkhidmatan berkualiti, seperti yang dijanjikan. Pengukuhan kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran MBPG amat diperlukan agar krisis keyakinan tidak berlaku.

Oleh itu, kerjasama di antara satu sama lain secara kolektif sebagai sebuah keluarga besar MBPG amat penting agar nilai perkhidmatan awam berprestasi tinggi dapat dicapai. Berbekalkan iltizam, saya yakin kita mampu melakar kecemerlangan pada tahun ini.

Semoga warga kerja MBPG yang dikasihi terus beristiqamah untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik, cemerlang dan berintegriti. Semoga segala usaha dan kerjasama yang diberikan mendapat limpahan pahala yang berlipat kali ganda daripada Allah S.W.T

Sekian, Wa billahi taufik wal hidayah Wassalamu 'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

Terima kasih.

**YANG BERHORMAT
DATO' ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN**
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pasir Gudang



VISI, MISI DAN OBJEKTIF

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

VISI

Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera,
Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025

MISI

Memastikan segala perancangan, pengurusan dan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah cekap, berkesan dan berkualiti menerusi :

- >> Memperkasa tadbir urus yang cekap
- >> Pemerksaan libat urus masyarakat
- >> Penyediaan kemudahan kesejahteraan awam
- >> Perancangan dan pembangunan yang mampan
- >> Pengukuhan kedudukan kewangan

OBJEKTIF

Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan beriltizam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan professional serta melaksanakan penambahbaikan berterusan dan memastikan keberkesanan sistem pengurusan bagi mencapai objektif kualiti berdasarkan perkara-perkara berikut :

- >> Menguruskan alam sekitar dengan berkesan dan dinamik.
- >> Memastikan masyarakat mendapat manfaat melalui aktiviti dan projek pembangunan yang dijalankan.
- >> Menekankan pembangunan yang holistik berdasarkan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan dan selaras dengan Dasar-Dasar Kerajaan.
- >> Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan anggota pekerja melalui latihan yang berterusan.
- >> Mempertingkatkan kerjasama dengan masyarakat bagi memperkasa komuniti.



PIAGAM PELANGGAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Komitmen kami sebagai Pihak Berkuasa Tempatan memberi perkhidmatan melalui pengurusan cemerlang perkhidmatan gemilang

1. Memantau kerja-kerja pembersihan, memotong rumput, membersihkan parit, mengutip dan mengangkat sampah yang diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di semua kawasan perumahan, perindustrian dan premis.
2. Permohonan lesen dengan dokumen yang lengkap diluluskan dalam tempoh minimum 1 jam hingga 14 hari waktu bekerja.
3. Semua aduan kerosakan kritis premis-premis sewaan diselesaikan dalam tempoh 48 jam dan 7 hari bekerja bagi kerosakan biasa.
4. Memberi kelulusan permohonan yang dikemukakan kepada Unit Pusat Setempat dalam tempoh yang berikut :

• Kebenaran merancang susun atur/mendirikan bangunan	– 57 hari
• Pelan bangunan	– 50 hari
• Permohonan serentak (kebenaran merancang + pelan bangunan)	– 57 hari
• Pelan jalan dan parit	– 50 hari
• Pelan kerja tanah	– 50 hari
• Permohonan serentak (pelan kerja + kerja tanah)	– 50 hari
• Pelan lampu jalan	– 50 hari
• Pelan nama jalan, taman dan nombor bangunan	– 50 hari
• Pelan landskap	– 57 hari
5. Akuan penerimaan aduan awam dibuat dalam tempoh 1 hari bekerja dan maklum balas status tindakan aduan dalam tempoh 14 hari waktu bekerja.
6. Bil tuntutan cukai harta dihantar kepada pemegang harta sebelum 1 Januari dan sebelum 1 Julai pada setiap tahun.



KAWASAN PENTADBIRAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG





BENDERA RASMI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



MAKSUD WARNA JALUR



>> Keberanian dan ketabahan hulubalang dan pengikut Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar yang bersama-sama menerokai dan memajukan Johor.



>> Melambangkan budaya kerja bersih, suci dan budaya pekerti dalam Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



>> Melambangkan penerangan kerajaan dan rakyat.



LOGO RASMI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



01 - MAHKOTA

- >> Melambangkan kedaulatan pemerintahan Sistem Diraja yang merujuk kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Sultan Johor.

02 - DUA EKOR HARIMAU MEMEGANG PERISAI

- >> Melambangkan ketegasan MBPG dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dan penguatkuasaan undang-undang.

03 - BULAN DAN BINTANG

- >> Melambangkan segala aktiviti yang dijalankan adalah berlandaskan kepada nilai-nilai murni Islam yang dijunjung sebagai agama rasmi.

04 - PERISAI

- >> Melambangkan kredibiliti MBPG sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan.

05 - POKOK DAN KAWASAN HIJAU

- >> Melambangkan kehijauan Pasir Gudang sebagai sebuah bandar dalam taman dengan keindahan landskapnya.

06 - SIMBOL BANGUNAN DALAM BULATAN

- >> Melambangkan pembangunan Pasir Gudang yang terancang, bersepada, dan menyeluruh seiring dengan pembangunan holistik yang disarankan oleh kerajaan.

07 - SIMBOL IT DAN BULATAN KUNING BERGERIGI

- >> Melambangkan terdapat pelbagai aktiviti dalam sektor perindustrian di Pasir Gudang yang meliputi industri berat, sederhana, dan kecil serta berteknologi tinggi yang begitu pesat membangun dan menyumbang kepada pendapatan utama MBPG.

08 - KAWASAN PERAIRAN DAN KAPAL

- >> Melambangkan kedudukan Pasir Gudang yang strategik sebagai pusat perdagangan antarabangsa di selatan semenanjung yang dilengkapi dua buah pelabuhan utama.

09 - BUNGA

- >> Melambangkan bunga rasmi Pasir Gudang iaitu Cempaka Jingga.

10 - PANGSA

- >> Pangsa yang berada di bawah perisai berwarna kuning adalah melambangkan tanaman lada hitam dan gambir iaitu hasil tanaman utama bagi kawasan Pasir Gudang suatu ketika dahulu.



LOGO DYNAMIC

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



DYNAMIC

- >> Membawa maksud energetik dan berdaya membawa pembaharuan dan kemajuan.

BENTUK KARGO

- >> Melambangkan Pasir Gudang "Bandar Raya Industri dan Pelabuhan" iaitu sebagai pusat dagangan entreport yang terletak di Selatan Semenanjung Malaysia.

D DAN Y (imej Digital Kren)

- >> Kepelbagai teknologi pintar dalam operasi menghasilkan produk yang pelbagai dan berkualiti.

N DAN C (imej Batu dan Paip)

- >> Bandar Raya yang mempunyai infrastruktur serta kemudahan fasiliti yang efisien serta memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti dan pemegang taruh.

LAMBANG "A"

- >> Bandar Raya berpelabuhan sebagai tonggak jaringan penjanaan ekonomi antarabangsa.

LAMBANG "M" DAN "I"

- >> Kepesatan pembangunan Pasir Gudang sebagai kawasan industri yang tidak meninggalkan elemen penjagaan alam sekitar.



LAGU RASMI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MBPG DYNAMIC GEMILANG

Demi Masa Depan Pasir Gudang
Kita Bersama Membangunkannya
Kita Memperkasa Komuniti
Beridentiti Budaya Teras Malaysia

Pengurusan Cemerlang Perkhidmatan Gemilang
Dinamik Dan Berdaya Maju
Majlis Bandaraya Pasir Gudang
Khidmat Dan Bakti Untuk Masyarakat

Pasir Gudang Terus Maju
Masyarakat Hidup Aman Sentosa
Penuh Semangat Serta Jati Diri
Teguh Menjulang Kecemerlangan

Kualiti Menjadi Teras Budaya Kerja
Bersatu Menuju Arah Kejayaan
Pembangunan Holistik Jadi Cabaran
Di Bandar Raya Pintar Sejahtera

Pasir Gudang Indah Dan Menghijau

Aman Dan Makmur Megah Tersohor
Tumpuan Industri Dan Pelabuhan
Jadi Sebutan Serata Dunia


Pasir Gudang Terus Maju
Masyarakat Hidup Aman Sentosa
Penuh Semangat Serta Jati Diri
Teguh Menjulang Kecemerlangan
Teguh Menjulang Kecemerlangan

Lirik : YB. Dato' Asman Shah bin Abd Rahman
Lagu : L.Y



CARTA ORGANISASI

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG






BARISAN KEPIMPINAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Datuk Bandar Pasir Gudang
YB Dato' Asman Shah
bin Abd. Rahman





Setiausaha
En. Mohd Hafiz bin Aliman

Timbalan Setiausaha
En. Abdul Malek bin Mohamed

Ketua Jabatan Kejuruteraan
En. Abdul Majid bin Sapihe

**Ketua Jabatan Kesihatan Awam,
Persekutuan & Pelesenan**
Pn. Hajah Rahmah binti Mahmood

**Ketua Jabatan Perancang Bandar
& Landskap**
Tn. Hj. Nor Rahman bin Mustaffa

**Ketua Jabatan
Pengurusan Harta & Komersial**
Pn. Sr. Zuraine binti Mahmood

**Ketua Bahagian
Audit Dalam & Integriti**
Pn. Farah Wahidah binti Nasruddin


Ketua Unit Pengurusan Kontrak
En. Anuar bin Ibrahim


Ketua Unit Pusat Sehenti
Cik Siti Najat binti Hasmadi



AHLI-AHLI MAJLIS

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG







LAPORAN TAHUNAN

2023
MBPG



02

PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

مَحَلِّيٌّ بَنْدَارِيٌّ بَلْجُورِيٌّ فَاسِيرِيٌّ كُوَّتِيٌّ

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.



Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Bandaraya Pasir Gudang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dilaksanakan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Pasir Gudang;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Pasir Gudang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Bandaraya Pasir Gudang tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 SEPTEMBER 2024





PENYATA KEWANGAN


BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**

Saya **MARIATON BINTI IBRAHIM**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Bandaraya Pasir Gudang, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2023 yang berikut ini beserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama yang tersebut di atas
di Johor Bahru, Johor
pada **08 MAY 2024**

)
)
)
)



MARIATON BINTI IBRAHIM

Di hadapan saya,



No. L2-54B, Kompleks Pusat
Bandar Pasir Gudang
Jalan Bandar 81700
Pasir Gudang, Johor



**PENYATA DATUK BANDAR DAN KETUA WHIP
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**

Kami, **DATO' ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN** dan **DATO' HAJI MOHD AMIN BIN AHMAD** yang merupakan Datuk Bandar dan Ketua Whip, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

DATO' ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

DATO' HAJI MOHD AMIN BIN AHMAD
Ketua Whip
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

Tarikh: **08 MAY 2024**

Tarikh: **08 MAY 2024**



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023

	NOTA	2023 RM	2022 RM
ASET			
ASET SEMASA			
Turul Dan Baki Bank	3	20,458,309	22,364,127
Deposit Tetap Dan Repo	4	233,385,305	193,938,437
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	5	32,298,064	24,239,482
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	6	3,937,279	3,323,964
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Pendahuluan	7	8,640,927	5,457,115
JUMLAH ASET SEMASA		298,719,784	255,323,125
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loj Dan Peralatan	8	909,828,968	832,421,911
Hartanah Pelaburan	9	37,702,340	38,924,576
Aset Tak Kotara	10	701,593	568,026
Kerja Dalam Pelaksaraan	11	40,429,732	674,565
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Pendahuluan	7	18,355	13,959
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		988,680,968	872,603,037
JUMLAH ASET		1,287,400,772	1,127,926,162
LIABILITI			
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Akaun Belum Bayar Deposit Dan Belanja Terakru	12	124,084,336	80,335,706
Geran Terlunda	13	1,270,433	1,644,168
Peruntukan Manfaat Pekerja	14	312,690	443,724
Akaun Amanah	15	29,181,730	22,904,772
Pinjaman	16	-	2,876,537
JUMLAH LIABILITI SEMASA		164,854,239	106,204,909
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Penitulenan Manfaat Pekerja	14	1,257,381	1,225,946
Peruntukan Liabiliti Luar Jangka	17	2,000,000	2,000,000
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		3,257,381	3,225,946
JUMLAH LIABILITI		168,111,620	111,430,855
ASET BERSIH		1,119,289,152	1,016,495,307
ASET BERSIH			
Kumpulan Wang Terkumpul Majlis		1,119,289,152	1,016,495,307
JUMLAH ASET BERSIH		1,119,289,152	1,016,495,307



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	2023	2022
		RM	RM
HASIL			
Urusniaga Bukan Pertukaran	18	277,620,000	216,659,040
Urusniaga Pertukaran	19	32,575,258	24,511,304
JUMLAH HASIL		310,095,258	241,170,344
PERBELANJAAN			
Emolumen			
Gaji dan Upah	20	12,599,674	12,166,917
Eluan-Eluan Tetap	21	3,804,334	3,862,745
Sumbangan Berkurun Untuk Pekerja	22	2,185,352	2,178,338
Eluan Lebih Masa	23	2,231,311	1,935,143
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	24	1,087,527	341,433
Eluan Ahli-Ahli Majlis	25	619,268	627,126
Imbuhan Tanurun Dan Bantuan Khas Kewangan	26	2,723,182	837,565
		25,060,648	21,740,206
Perkhidmatan Dan Bekalan			
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	27	651,868	608,291
Pengangkutan Barang-Barang	28	2,371	1,042
Perhubungan dan Utiliti	29	15,401,206	12,188,517
Sewaan	30	3,857,968	2,386,137
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman	31	37,400	37,122
Bekalan Bahan Menih dan Bahan Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	32	731,711	474,064
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	33	1,886,793	1,239,718
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	34	59,865,959	47,231,231
Perkhidmatan Ikhlas, Perkhidmatan Lain dan Hospitaliti	35	32,314,339	24,850,778
		114,529,435	89,016,900
Pemilikan Harta Medali			
Alat-Kelengkapan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan dan Kumpulan Buku	36	382,194	488,933
		382,194	488,933
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap			
Pemberian Dalam Negeri	37	6,457,284	2,336,564
Faedah	38	49,485	175,387
Ganjaran	39	154,356	233,424
		6,701,135	2,805,375
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain			
Pulang Batik dan Hapsukira	40	68,130	58,951
Bayaran-Bayaran Lain	41	1,611,926	1,458,951
Perbelanjaan Bukan Kewangan	42	-	4,341,487
Perbelanjaan Pembangunan	43	26,570,044	16,417,224
		28,670,130	22,276,623
Susutnilai dan Pelunaan			
JUMLAH PERBELANJAAN		31,957,901	31,853,083
LEBIHAN(KURANGAN) SEMASA		207,301,413	167,080,180
		102,793,845	73,181,164



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

 PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	Jumlah Aset Bersih
		RM
Kumpulan Wang Terkumpul Majlis		
Baki Pada 1 Januari 2022		
Seperti Yang Dilaporkan Sebelum Ini		940,314,143
Lebihan Semasa		
Seperti Yang Dilaporkan Sebelum Ini		72,799,927
Pelarasan Tahun Terdahulu	44	<u>381,237</u>
Baki Dinyatakan Semula		<u>73,181,164</u>
Baki pada 31 Disember 2022		<u>1,016,495,307</u>
Baki Pada 1 Januari 2023		
Seperti Yang Dilaporkan Sebelum Ini		1,016,114,070
Pelarasan Tahun Terdahulu	44	<u>381,237</u>
Baki Dinyatakan Semula Pada 1 Januari 2023		<u>1,016,495,307</u>
Lebihan Semasa		<u>102,793,845</u>
Baki Pada 31 Disember 2023		<u>1,119,289,152</u>



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Terimaan			
Hasil Cukai		132,602,550	130,651,832
lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit		8,858,786	7,968,056
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan		11,094,620	6,842,877
Perolehan dari Jualan Barang-Barang		638,128	574,731
Sebenar		12,364,154	11,536,315
Derida dan Hukuman		3,384,030	3,570,562
Faudah dikenai		5,028,832	4,220,682
Deposit dan Amanah dilerima		30,234,135	19,914,215
Termaan-Terimakan Lain		132,527,030	74,556,614
Bayaran			
Kos Pekerja		(24,222,531)	(21,489,937)
Persaraan		(1,092,082)	(281,172)
Pembekal		(101,953,976)	(108,759,853)
Faudah dibayar		(40,485)	(175,367)
Deposit dan Amanah dibayar		(16,108,440)	(11,310,205)
Bayaran-Bayarán Lain		(11,664,838)	(1,549,142)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	45	102,451,544	116,161,388
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Lot dan Peralatan		(107,005,210)	(71,027,554)
Pembelian Aset Tak Ketara		(60,152)	(250,837)
Kerja Dalam Pelaksanaan		(40,668,595)	(674,566)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		(148,033,057)	(71,952,956)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Bayaran Balik Pinjaman		(2,878,537)	(3,862,308)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembayaran		(2,878,537)	(3,862,308)
Peningkatan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai		31,541,050	40,346,124
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		222,302,564	181,956,440
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		253,843,614	222,302,564

Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk dalam tunai di tangan, baki di bank dan deposit tetap. Tunai dan kesetaraan tunai dimasukkan dalam penyata aliran tunai yang mengandungi jumlah kedudukan kewangan bankir.

	2023 RM	2022 RM
Tuna di Tangan Dan Baki di Bank	20,458,309	22,364,127
Deposit Tetap Dan REPO	233,385,305	199,538,437
	253,843,614	222,302,564



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

NOTA	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar RM	Varian Bajet RM
	Asal RM	Akhir RM		
PENERIMAAN				
Jurusaga Bukan Perlukaran	176,134,538	176,134,538	175,598,809	535,729
Jurusaga Pertukaran	25,681,580	25,681,580	25,301,549	380,031
Jumlah Penerimaan	201,816,118	201,816,118	200,900,358	\$15,760
PEMBAYARAN				
Emolumen	25,961,940	23,867,240	22,034,421	1,832,819
Perkhidmatan Dan Bekalan	110,911,987	114,361,987	91,017,077	23,344,910
Pemilikan Harta Mocah	51.2(a)	906,490	3,823,490	2,594,884
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Telap	51.2(b)	11,531,000	11,431,000	9,433,572
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	51.2(c)	2,403,530	2,403,530	1,503,672
Perbelanjaan Pembangunan	51.2(d)	49,050,000	66,250,000	57,796,942
Jumlah Pembayaran	201,786,947	222,337,247	184,380,568	37,956,679
PENERIMAAN GERSIH	49,171	(20,621,129)	16,519,790	[37,040,919]

* Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Mengenakan cukai harta terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai harta yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penalaan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen pembiagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti pembiagaan dalam kawasan operasi Majlis.

- 1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.
- 1.3. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis pada 30 April 2024.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

- 2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Prawatan Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perpendaharaan dan Surat-surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia yang berkaitan.
- 2.1.2 Penyata Kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan yang disediakan menggunakan MPSAS dengan pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.18.



Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

2.1.3 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diikrarkan dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diikrarkan dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didebatkan dalam Nota 2.17 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada pensiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan imunasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesualu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amanun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut :

(i) Cukai Harta

Cukai Harta adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai hartा diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Caruman Bantu Kadar

Caruman Bantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Caruman Bantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa tuntutan dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan cemberan kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan petaluran dan kawalan. Ianya termasuk lesen pemtagaan, permit sementara, lesen arjing, iklan dan lain-lain.

Hasil bagi lesen, bayaran pendaftaran dan permil diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran berdasarkan pengalaman dan keldakpastian dalam membuat kutipan hasil tersebut.



Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (sambungan)

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berikutan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai harta, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman kecuali nota dan waran bagi cukai harta akan diiktiraf apabila bil dikeluarkan.

(v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keselimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam penyata kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amanah bawahan habiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut :

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, proses pindah milik, perkhidmatan tapak pelupusan sampah dan lain-lain perkhidmatan.

Hasil bagi perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil tersebut kecuali caj pemberungan akan diiktiraf apabila bil dikeluarkan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan barang sebut harga dan tender serta jualan harla benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain. Hasil diiktiraf apabila bayaran diterima.

**Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)****2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran (sambungan)****(ii) Sewaan**

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan dan diiktiraf apabila bil dikeluarkan kecuali sewaan tanpa perjanjian diiktiraf apabila bayaran dilemna.

(iv) Faedah dan Pemlehan dari Pelaburan

i Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadarannya yang mengambil kira kadar pulangan hasil efekif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efekif ke atas aset adalah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mencapai jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amanah bawaan awal aset tersebut.

(v) Lan-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas ianya diiktiraf selepas bayaran diterima.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

- 2.3.1. Aset dengan nilai kos berjumlah RM2,000.00 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, manakala bagi aset bernilai rendah (kurang dari RM2,000) akan dicaj sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.3.2. Tanah-tanah yang bukan milik Majlis dan didirikan bangunan Majlis diatasnya tidak diacaunkan kerana Majlis tidak mempunyai kawalan yang menyeluruh ke atasnya.
- 2.3.3. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.3.4. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bulan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai sahsama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dilkreditkan dalam penyata prestasi kewangan, manakala jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di ruang ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.
- 2.3.5. Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.



Nota-nota kepada penyata kewangan (sumbangan)

2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah gans llurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang enggeran hayat berguna aset-aset berkenaan. Tanah pula tidak disusutnilai kecuali bagi tanah pajakan.

2.4.2. Kadar susutnilai tarunan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah seperti berikut:

Hartanah, Loji dan Peralatan	Kadar tahunan
Tanah	
- Kekal	0%
- Papakan	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	
- Kekal	4%
- Separuh Kekal	10%
Aset Infrastruktur	
- Jalanraya	2%
- Kemudahan yang Lain	2%
Kenderaan	20%
Loji dan Jemtera	20%
Parabut dan Kelengkapan Pejabat	20%
Peralatan Elektrik dan Eletronik	20%

2.4.3 Jika terdaper tanda perubahan yang kelara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilareskan secara prospektif.

2.5 Hartanah Pelaburan

2.5.1. Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.5.2. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.5.3. Sisulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dimyalakan sebagai kos tolak susul nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

**Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)****2.5. Hartanah Pelaburan (sambungan)**

- 2.5.4. Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah disusutnilaiakan mengikut tempot pajakan. Caj susutnilai akan dikiraif di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.5.5. Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan dikiraif pada amauin bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6. Aset Tak Ketara

- 2.6.1 Aset tak ikala dikiraif apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.6.2 Aset tak ketara diambilah secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus naga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dianakan secara difainan kecuali perbelanjaan pembangunan dikiraif sebagai perbelanjaan.
- 2.6.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat alaupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu diluraskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk
- 2.6.4 Perisian komputer dan antivirus termasuk lesen antivirus bagi tahun perlemba diluraskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.
- 2.6.5 Pada setiap tarikh pelaporan, lempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesar kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahikraif aset tak ketara adalah cilientukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawanya aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan

2.7 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah bagi kerja-kerja pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan serta Perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan mengikut Tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) dan Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance) dikeluarkan dan dilunaskan atau akaun dimuktamadkan mula yang terdahulu. Bagi kos Perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan.



Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

2.8. Aset Kewangan

- 2.8.1. Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.8.2 Pada pengikiran awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.
- 2.8.3. Selepas pengikiran awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu dan pada empat kategori aset kewangan iaitu: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum tenma, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.
- 2.8.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.
- 2.8.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut.

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskain atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(ii) Pelaburan Cipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasi sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai nilai positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskain atau premium atas pengambilan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang limbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.



Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

2.8. Aset Kewangan (sambungan)

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukt objektif termasuk.

- (i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) Pembayaran terluggak;
- (iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan mewala; atau
- (iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

- Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penggunaan bahan kimia/racun.
- Bertanggungjawab dalam pengurusan sisa buangan terjadual MBPG.

5. Unit Kawal Seliaan Pemantauan Kontraktor

- Pemantauan kerja-kerja oleh kontraktor lantikan MBPG.
- Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, melaksanakan dan menyelaras program kebersihan awam melalui kerjasama bersepadu antara komuniti institusi, jabatan, swasta dan NGO.

6. Unit Kawal Seliaan Pemantauan Pasukan Tindakan Khas dan SWCorp

- Pemantauan kerja-kerja pembersihan oleh agensi SWCorp dan SWM.
- Pemantauan dan tindakan aduan awam yang melibatkan kebersihan awam.
- Menyelaras tindakan kawasan serahan kerja kebersihan antara agensi, SWCorp dan pemaju.
- Melaksanakan tindakan kebersihan dan kecemasan secara 'ad-hoc'.
- Menyelaras bantuan peralatan program-program yang melibatkan kebersihan.

7. Unit Pengkomposan, Kitar Semula, Promosi Dan Pendidikan Kesihatan

- Merancang, melaksanakan dan mengatur program kitar semula di kawasan Pasir Gudang.
- Merancang, mengatur dan melaksanakan program pengurusan sisa makanan di MBPG.
- Menguruskan aktiviti yang melibatkan penghasilan baja kompos.
- Mengadakan promosi, program pendidikan serta kempen kesedaran.
- Menjalin kerjasama dengan pihak berkepentingan.
- Menjalankan program Pusat Kitar Semula Pandu Lalu MBPG (*Drive Thru Recycling Centre - DTRC*).

UNIT KLINIK MBPG

- Menyediakan rawatan perubatan.
- Merujuk kes untuk rawatan pakar.
- Mengurus rekod rawatan perubatan.
- Mengedalikan kes kecemasan dan rawatan segera.
- Menyediakan perkhidmatan ambulans.
- Menyediakan pasukan perubatan untuk acara rasmi organisasi (MBPG).
- Mengendalikan saringan kesihatan.
- Memberikan suntikan TY2 kepada peniaga makanan sekitar Pasir Gudang.
- Mengeluarkan ubat kepada pesakit.
- Mengurus pembelian ubat dan peralatan ubat.
- Membekalkan Ubat-ubatan bantu mula (*First-aid*).
- Storan ubat-ubatan.
- Mengawal ubat-ubatan berjadual.
- Melupus ubat-ubatan (tamat tempoh).



BAHAGIAN ALAM SEKITAR DAN KESELAMATAN INDUSTRI

LAPORAN BAHAGIAN ALAM SEKITAR DAN KESELAMATAN INDUSTRI

AKTIVITI	JUMLAH	
	BULAN	BACAAN (MIKROGRAM PERMETER PADU) 2023
STATUS KUALITI UDARA		
Bacaan debu terampai PM 2.5 di udara Pasir Gudang adalah mematuhi piawaian WHO iaitu bawah 35 mikrogram semester padu setiap bulan.	Januari	9.25
	Februari	9.75
	Mac	15.27
	April	23.90
	Mei	20.26
	Jun	19.54
	Julai	24.26
	Ogos	22.14
	September	35.43
	Oktober	31.41
	November	31.46
	Disember	5.26
	Purata	20.66
STATUS KUALITI AIR		

Pengambilan sampel air sungai dilaksanakan setiap bulan bagi memastikan tahap kualiti air sungai-sungai adalah baik dan mencapai klasifikasi Sungai Kelas III sebanyak 65.39 %. Kekerapan pemantauan 12 kali setahun. Pensampelan melibatkan 26 batang sungai utama (68 poin pensampelan).

PEMANTAUAN KILANG-KILANG

Terdapat 980 industri yang beroperasi dalam kawasan pentadbiran MBPG yang terdiri daripada 63 industri berat dan berisiko tinggi serta termaktub di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 dan selebihnya merupakan industri berat, sederhana dan ringan.

Anggaran sebanyak 130 industri dikenalpasti mengalirkan efluen perindustrian yang perlu dirawat dengan sempurna sebelum dilepaskan ke longkang awam.

Purata pemeriksaan dan pemantauan efluen industri bagi tahun 2023 adalah sebanyak 100 industri bagi setiap bulan. Pemeriksaan dan pemantauan efluen dilaksanakan secara berjadual bagi memastikan industri mematuhi syarat-syarat alam sekitar sekaligus membendung sebarang aktiviti pencemaran daripada berlaku.

Sebanyak 95 Notis Pemeriksaan Alam Sekitar tahun 2023 telah dikeluarkan bagi industri yang menimbulkan kacau ganggu pada alam sekitar mengikut pada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan tindakan susulan kompaun telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan MBPG.

KESELAMATAN INDUSTRI

Lawatan dan pemeriksaan kilang-kilang berisiko tinggi berdasarkan Peraturan CIMAH dan Pemantauan Keselamatan Kontraktor dengan mengeluarkan notis teguran di lapangan.

PAGEMA

Menganjurkan program Mock Drill atau seminar berkaitan Keselamatan Industri bersama Agensi Kerajaan dan Swasta terutamanya industri yang berisiko tinggi setiap tahun.

- Program Senai Desaru Emergency Response Drill (SERD) pada 18/6/2023
- Program Pasir Gudang Occupational Safety and Health Seminar 2023 pada 20/9/2023



AKTIVITI BAHAGIAN ALAM SEKITAR DAN KESELAMATAN INDUSTRI

PENGUKURAN KUALITI UDARA MENGGUNAKAN ALAT HIGH VOLUME SAMPLER (HVS)



PEMANTAUAN KERJA-KERJA PERSAMPLEAN AIR SUNGAI



PEMANTAUAN KILANG-KILANG DIKENAL PASTI MENGELOARKAN EFLUEN PERINDUSTRIAN YANG PERLU DIRAWAT

- Lokasi : Anak Sungai Kim Kim



- Lokasi : Sungai Selangkah



Sungai Selangkah A

Sungai Selangkah B

Sungai Selangkah C

Sungai Selangkah D



PEMERIKSAAN TAHAP KESELAMATAN KILANG BERISIKO TINGGI



SENAI DESARU EMERGENCY RESPONSE DRILL (SERD) 18/6/2023





UNIT KESIHATAN AM, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

LAPORAN UNIT KESIHATAN AM, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

PENGURUSAN PENGGREDIAN PREMIS MAKANAN



• Jumlah premis makanan diperiksa dan digredkan	923
• Jumlah notis dikeluarkan	1,124
• Jumlah kompaun dikeluarkan	53,150
• Jumlah penyertaan Kursus Pengendali Makanan	356
• Jumlah Hotel /Resort dipantau	7
• Peratus Hotel /Resort mendapat Gred A	7 (100%)
• Jumlah Restoran dipantau	636
• Jumlah Restoran mendapat Gred A	126
• Jumlah Kebayan dipantau	184
• Peratus Kebayan mendapat Gred A	39 (21.19%)
• Jumlah Kantin Dipantau	103
• Peratus Kantin mendapat Gred A	34 (33%)

Bagi meningkatkan kesedaran peniaga dan masyarakat, Bahagian Kesihatan telah memberi tunjuk ajar, penerangan dan pendedahan berkaitan kesihatan persekitaran kepada penduduk, pekilang dan pihak luar menerusi taklimat, pengedaran risalah, poster, media massa, kempen dan lain-lain.

PENGURUSAN PROGRAM PENDIDIKAN KESIHATAN



• Jumlah penganjuran bengkel/ceramah/taklimat	12
• Jumlah penganjuran pameran kesihatan	2
• Jumlah edaran risalah/poster	3,377
• Jumlah penganjuran program kesihatan/gotong royong	138


PENGURUSAN PENGAUDITAN TANDAS AWAM



• Jumlah tandas di hotel dan restoran yang diaudit	450
• Peratus tandas di hotel dan restoran yang mendapat 4-5 bintang	29 (6.44%)
• Jumlah tandas di kawasan rekreasi yang diaudit	7
• Peratus tandas di kawasan rekreasi yang mendapat 4-5 bintang	4 (57.14%)
• Jumlah tandas di kebayan yang diaudit	19
• Peratus tandas di kebayan yang mendapat 4-5 bintang	7 (36.84%)
• Jumlah tandas di pasar/pasaraya yang diaudit	11
• Peratus tandas di pasar/pasaraya yang mendapat 4-5 bintang	4 (36.36%)
• Jumlah tandas di masjid yang diaudit	22
• Peratus tandas di masjid yang mendapat 4-5 bintang	14 (63.63%)
• Jumlah tandas di stesen minyak yang diaudit	31
• Peratus tandas di stesen minyak yang mendapat 4-5 bintang	22 (70.96%)



PENGURUSAN KAWALAN VEKTOR



• Jumlah kes demam denggi	1,228
• Jumlah kes demam denggi berdarah	-
• Jumlah kematian akibat demam denggi	-
MBPG melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru dalam Operasi Penguatkuasaan Premis Individu (OPPI) sebanyak 6 kali sepanjang tahun 2023.	
• Jumlah premis Aedes Survey	117,965
• Jumlah penggunaan abate	83,300 liter
• Jumlah bilangan pemusnahan tempat pembiakan Aedes	7,248
• Jumlah premis semburan pengasapan	150,289

PENGURUSAN KAWALAN LILATI/ZOONOSIS



• Jumlah penghapusan anjing liar	2,168 ekor
• Jumlah penghapusan burung gagak	4,400 ekor
• Jumlah penghapusan tikus	302 ekor
• Jumlah aduan anjing liar	437 aduan

LAPORAN KES DEMAM DENGGI DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPG TAHUN 2023

BULAN	DEMAM DENGGI (DD)	DEMAM DENGGI BERDARAH (DDB)	MATI
Januari	81	0	0
Februari	92	0	0
Mac	122	0	0
April	105	0	0
Mei	117	0	0
Jun	99	0	0
Julai	126	0	0
Ogos	77	0	0
September	87	0	0
Oktober	101	0	0
November	98	0	0
Disember	123	0	0
Purata	1,228	0	0



**AKTIVITI UNIT KESIHATAN AM, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
LARVACIDING/CARI DAN MUSNAH (SND) BAGI KAWALAN LOKALITI KES DEMAM DENGGI TAHUN 2023**



**PEMANTAUAN KERJA-KERJA SEMBURAN RACUN THERMAL (SRT) DAN ULTRA VOLUME (ULV) BAGI KAWALAN
LOKALITI KES DEMAM DENGGI**





AKTIVITI PENDIDIKAN KESIHATAN DAN KESEDARAN PAMERAN EDARAN RISALAH DEMAM DENGGI



PROGRAM DRIVE THRU RECYCLE CENTRE (DTRC) BERSAMA KOMUNITI, INSTITUSI DAN AGENSI

3 September 2023

Persiaran Cahaya Masai, Taman Cahaya Masai



1 Oktober 2023

Bilik Gerakan HELWA Taman Nusa Damai



22 Oktober 2023

Dewan Muafakat Taman Sierra Perdana



16 Disember 2023

Taman Bistari Perdana





OPERASI BERSEPADU BERSAMA AGENSI BAGI KAWALAN WABAK DENGGI



PROGRAM AUDIT PEMANTAUAN ISO 14001:2015

8 Ogos 2023





PROGRAM GOTONG-ROYONG CEGAH DENGGI

BIL.	TARIKH	LOKASI
1.	5.11.2023	Taman Amanpuri Jalan Serindit Utama, Taman Scientex
2.	13.11.2023	Kg Orang Asli Kuala Masai
3.	18.11.2023	Jalan Kenari 12-17, Taman Scientex
4.	19.11.2023	Jalan Delima 18, Taman Kota Masai
5.	25.11.2023	Jalan Serangkai 19-26, Taman Bukit Dahlia
6.	25.11.2023	Jalan Lembah 21-32, Bandar Seri Alam



AKTIVITI KAWALAN ANAI-ANAI DI PREMIS MILIK MBPG




AKTIVITI KAWALAN LIPAS LALAT TIKUS (LILAT) DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPG





OPERASI KAWALAN ANJING LIAR (MALAM)



OPERASI KAWALAN ANJING LIAR (SIANG)



OPERASI KAWALAN MONYET DAN GAGAK



SANITASI DAN DISINFEKSI PASAR AWAM





KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN

BIL.	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	17 Januari 2023	40
2.	21 Februari 2023	42
3.	6 Mac 2023	48
4.	7 Mac 2023	48
5.	14 Mac 2023	61
6.	23 Mei 2023	6
7.	20 Jun 2023	22
8.	18 Julai 2023	19
9	22 Ogos 2023	26
10	19 September 2023	17
11	24 Oktober 2023	27
JUMLAH KESELURUHAN		356



PROGRAM CAKNA LESTARI ALAM MBPG SEMPENA TEMASYA MBPG

📅 25 November 2023





OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN PREMIS MAKANAN (OBPPM) BERSAMA PEJABAT KESIHATAN DAERAH JOHOR BAHRU (PKDJB) DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)

📅 16 Oktober 2023 dan 23 November 2023.

- 20 Notis Kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan seperti terdapat Urungan serangga didalam premis seperti lipas, lalat & tikus (LILATI), Urungan najis kucing, Gagal mempamerkan dokumen seperti Buku Suntikan Typhoid dan Sijil Kursus Pengendalian Makanan, Memakai aksesori ketika menyediakan makanan, serta Tidak memakai apron, penutup kepala dan kasut ketika mengendalikan makanan. 24 premis telah diberi pendidikan kesihatan oleh PKDJB.

Arahan Perintah Penutupan Premis telah dikeluarkan kepada 8 premis yang diarahkan tutup di bawah Seksyen 10 & 11, Akta Makanan 1983 terhadap 13 buah premis makanan kerana tahap kebersihan premis yang sangat tidak memuaskan. Operasi ini akan dijalankan dari semasa ke semasa di sekitar Pasir Gudang.







UNIT KEBERSIHAN, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

LAPORAN UNIT KEBERSIHAN, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

PENGURUSAN KUTIPAN SAMPAH




Jumlah kutipan sampah domestik (tan)



Jumlah kutipan sampah industri (tan)



PROGRAM PENGKOMPOSAN SISA MAKANAN



Program pengkomposan sisa makanan

PROGRAM KITAR SEMULA

BULAN	JUMLAH	
	MBPG (KG)	TPS (KG)
Januari	306.65	18,212.00
Februari	886.95	19,077.00
Mac	254.55	28,711.00
April	2,291.80	22,901.00
Mei	4302.95	19,865.00
Jun	870.40	23,874.00
Julai	778.00	40,138.00
Ogos	242.50	21,967.00
September	289.00	13,028.00
Oktober	986.60	18,104.00
November	745.50	13,970.00
Disember	208.00	15,844.00
Purata	12,162.90	237,480.00

Nota :

TPS - Tapak Pelupusan Sampah

AKTIVITI UNIT KEBERSIHAN, BAHAGIAN KESIHATAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

AKTIVITI GOTONG ROYONG KOMUNITI PROGRAM JOHOR BERSIH





PEMANTAUAN KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH DOMESTIK



AKTIVITI PENGKOMPOSAN SISA MAKANAN



PROGRAM KITAR SEMULA



PEMANTAUAN KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH PUKAL DAN BEKALAN TONG RORO



PEMANTAUAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN LONGKANG DAN PARIT





BAHAGIAN PELESENAN

FUNGSI BAHAGIAN PELESENAN

PENTADBIRAN PELESENAN

- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan kepada Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasa untuk tindakan penguatkuasaan.
- Pengurusan maklum balas kepada agensi kerajaan/swasta seperti Polis, Bomba, KPCT, SUK, SSM dan lain-lain.
- Pengurusan maklum balas maklumat dan data antara jabatan dalaman.
- Menyelaras permohonan ulasan sokongan dari Pejabat Daerah.
- Menyediakan kertas kerja dasar-dasar pelesenan dan segala pelaporan untuk dibentangkan dan kelulusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Pelesenan.
- Pengurusan maklumat dan data untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Lesen Sementara.
- Melaksanakan khidmat bimbingan/pendidikan/kesedaran tentang garis panduan permohonan lesen perniagaan/permit kepada orang awam/pemohon.
- Pengurusan pertanyaan berhubung dengan pelesenan.
- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan dan menjalankan pemeriksaan bersepada bersama jabatan/agensi seperti Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan, Jabatan Bangunan dan lain-lain.
- Pengurusan dan penyediaan dokumentasi ISO 9001, ISO 14001 dan ISO 37001.
- Penyediaan laporan bulanan peniaga yang aktif dan tidak aktif.
- Pelaksanaan promosi pelesenan bagi info-info terbaru dan terkini bagi pemakluman kepada orang awam.

INDUSTRI & TRED PERNIAGAAN/PERMIT/IKLAN/PENJAJA

- Mengurus, memproses, dan menilai bagi menyokong kelulusan setiap permohonan lesen (industri/tred perniagaan/penjaja).
- Memproses dan menilai bagi menyokong kelulusan setiap permohonan permit (iklan, parkir khas, kerusi/meja, permit bermusim).
- Memproses permohonan pertukaran nama syarikat dan penama lesen perniagaan.
- Memproses pembatalan atau penggantungan lesen industri/tred perniagaan/permit/penjaja.
- Mengurus dan memproses permohonan penambahan aktiviti perniagaan.
- Mengeluarkan notis peringatan bagi pembaharuan lesen.
- Memproses permohonan sokongan dari agensi luar.
- Memproses pemulangan bon jaminan dan tuntutan wang amanah.
- Membuat pemeriksaan di lapangan bagi memastikan kesesuaian lokasi dan aktiviti (permit/iklan)
- Mengeluarkan notis peringatan bagi pembaharuan permit.
- Menyedia dan menyalurkan maklumat pelesenan kepada Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasa untuk tindakan penguatkuasaan.
- Pengurusan maklum balas kepada agensi kerajaan/swasta seperti polis, bomba, KPCT, SUK, SSM dan lain-lain.
- Pemeriksaan dan pemantauan perniagaan di lapangan untuk kemaskini data/keperluan aktiviti dari semasa ke semasa.



LAPORAN BAHAGIAN PELESENAN

AKTIVITI PENGURUSAN PEMPROSESAN LESEN

BIL.	JENIS LESEN	JUMLAH LESEN AKTIF 2023
1	Lesen Kilang	1,018
2	Lesen Pelbagai	4,193
3	Lesen Pasar Sehari	5
4	Lesen Kebayan/Gerai	179
5	Lesen Kantin	160
6	Lesen Restoran	639
7	Lesen Iklan	63
8	Lesen Anjing	90
9	Lesen Penjaja	917
10	Permit Kerusi/Meja	110
11	Permit Parkir Khas	104
12	Lesen Sementara	51
JUMLAH KESELURUHAN		7,529

AKTIVITI BAHAGIAN PELESENAN

PROGRAM LICENSE ON WHEEL

- >> 27-28 Mac 2023 Lotus's Seri Alam
- >> 29-30 Mac 2023 Today's Market
- >> 2-3 April 2023 Mydin Taman Rinting
- >> 4-5 April 2023 Kipmall Masai
- >> 9-10 April 2023 U Sentral
- >> 11-12 April 2023 Lotus's Kota Masai
- >> 13 April 2023 Econsave





PEMANTAUAN TAPAK PASAR MALAM DIADAKAN SEKALI SEBULAN BAGI SETIAP TAPAK PASAR MALAM (10 TAPAK)



OPERASI PEMUTIHAN LESEN INDUSTRI

- i. 6 Jun 2023 – 26 Jun 2023
- ii. 4 Julai 2023 – 7 Julai 2023



TASKFORCE PEMERIKSAAN IKLAN PREMIS DI PEKAN MASAI

- 4 September 2023 – 6 September 2023



SESI TAKLIMAT DAN UNDIAN TAPAK PENJAJA JALAN TEMBIKAI 7, TAMAN KOTA MASAI

- i. Sesi Pertama – 30 Oktober 2023
- ii. Sesi Kedua – 20 November 2023





AKTIVITI MENGECHAT TAPAK BARU PENJAJA TIDAK BERPUSAT DI JALAN MANGGA 8, TAMAN KOTA MASAI



PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSAMA PENJAJA DAN PEMBAHARUAN LESEN PENJAJA (ON WHEELS) DI TAPAK PENJAJA JALAN TASEK 60, BANDAR SERI ALAM

11 Oktober 2023



PROGRAM PENYERAHAN PAYUNG SUMBANGAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) KEPADA PENJAJA DI TAPAK PASAR MALAM TAMAN MAWAR

3 November 2023






UNIT KLINIK BANDARAYA PASIR GUDANG

LAPORAN UNIT KLINIK MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

RUMUSAN JUMLAH PESAKIT YANG TELAH HADIR DI KLINIK MBPG

BIL.	PERKARA	APRIL - DISEMBER 2023
1	Jumlah Pesakit	875 Orang
2	Purata Pesakit/Hari	5– 15 Orang
3	Rujukan Pesakit Ke Hospital/Klinik	Walk-In (Referral Letter) - 45 Orang
4	Tempoh Masa Rawatan (Pendaftaran Sehingga Preskripsi Ubat-Ubatan)	15 – 40 Minit
5	Purata Masa Menunggu	30 Minit

KEHADIRAN PENGUNJUNG DI KLINIK MBPG



AKTIVITI UNIT KLINIK BANDARAYA PASIR GUDANG

PROGRAM BASIC LIFE SUPPORT (BLS) DAN PERTOLONGAN CEMAS MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

- 📅 27 & 28 Februari 2023
- 📍 Hotel Renaissance Johor Bahru
- Program ini dianjurkan bertujuan memberi latihan asas, pendedahan dan mengajar teknik dan tindakan yang betul ketika pertolongan cemas dan kaedah Basic Life Support (BLS) serta cara penggunaan alat Automated External Defibrillator (AED) kepada semua kakitangan MBPG. Kursus BLS ini adalah salah satu perkara penting yang perlu diberi penekanan bagi memastikan semua pekerja dilengkapi dengan asas latihan sokongan hidup.





PROGRAM PEMAKANAN DAN GAYA HIDUP SIHAT

CABARAN 100 HARI 'FIT TO BE' MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG 2023 - "YOU'RE WHAT YOU EAT"

16 Mei 2023

Cempaka Jingga Ballroom, Aras 3, Menara Aqabah

- Program ini diadakan untuk memberikan pendedahan kepada peserta Cabaran 100 Hari 'Fit to Be' MBPG 2023 berkenaan pentingnya mengamalkan pemakanan yang sihat dalam kehidupan seharian. Gaya hidup sihat adalah langkah terbaik dalam menjalani kehidupan bebas penyakit. Selain itu, pemakanan dan amalan gaya hidup sihat ini juga dapat meningkatkan produktiviti, ekonomi dan kemakmuran sesebuah organisasi.

PROGRAM WEBINAR SAMBUTAN HARI TANPA TEMBAKAU PERINGKAT NEGERI JOHOR 2023

"Utamakan Makanan, Bukan Rokok"

01 Jun 2023

Cempaka Jingga Ballroom, Aras 3, Menara Aqabah

- Hari Tanpa Tembakau Sedunia dirai setiap 31 Mei untuk meningkatkan kesedaran terhadap bahaya merokok dalam menyokong usaha menangani ketajihan terhadap tembakau. Program Webinar Sambutan Hari Tanpa Tembakau 2023 oleh Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor adalah suatu inisiatif bertujuan meningkatkan kesedaran tentang risiko merokok dan kesannya terhadap kesihatan selain menggalakkan perokok berhenti merokok sekali gus melahirkan masyarakat yang menjalani gaya hidup sihat tanpa tembakau.

Empat penceramah telah dijemput iaitu Pegawai Kesihatan Daerah Batu Pahat, Dr. Amirul bin Sohor, dari Jabatan Mufti Johor, SS YB Dato' Haji Ahmad Faisal bin Mohamed, Pensyarah UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Dr. Nur Nadia binti Zulkifli, dan Pakar Perubatan Dalaman Dan Respiratori Hospital Melaka, Dr. Ng Khai Lip.





KEMPEN DERMA DARAH DAN DERMA ORGAN 2023

📅 10 Julai 2023

📍 Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang, Aras 1

- Klinik Majlis Bandaraya Pasir Gudang di bawah Jabatan Kesihatan Awam, Persekitaran dan Pelesenan telah mengadakan Program Kempen Derma Darah Dan Derma Organ 2023 dengan kolabarsi Unit Tranfusi Perubatan dan Unit Perolehan Organ dari Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru. Seramai 16 anggota kesihatan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru bertugas bagi memastikan program ini berjalan lancar dan berjaya mencapai target yang ditetapkan.



Seramai 80 orang penderma darah dan seramai 6 orang mendaftar ikrar derma organ yang terdiri daripada pelbagai bangsa hadir bagi bersama-sama menjayakan kempenderma darah dan derma organ 2023.



MAJLIS PENYERAHAN MESIN DIALISIS OLEH MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG) DAN PENGANGKUTAN AWAM JOHOR (PAJ) KEPADA PUSAT DIALISIS WAQAF AN-NUR PASIR GUDANG

📅 18 Julai 2023 (Selasa)

📍 Pusat Dialisis Waqaf An-Nur Pasir Gudang

- Program penyerahan 2 unit mesin dialisis ini bertujuan memberi kemudahan kepada pesakit "End-Stage Renal Failure" (ESRF) di Pusat Dialisis Pasir Gudang. Seramai 96 orang pesakit dialisis mendapatkan rawatan di Pusat Dialisis Waqaf An-Nur Pasir Gudang ini.





PROGRAM SARINGAN KESIHATAN MATA ANGGOTA KERJA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG 2023

📅 5 Oktober 2023

📍 Ballroom Cempaka Jingga, Aras 3, Menara Aqabah

- Program ini telah memberi peluang kepada anggota kerja berumur 35 tahun ke atas melakukan pemeriksaan mata secara terperinci bagi mengesan masalah yang berkaitan dengan mata bagi mendapatkan rawatan awal. Program ini mendapat kerjasama Jabatan Oftalmologi, Hospital Sultan Ismail Johor Bahru.



DYNAMIC SPORTS DAY 2023 – RUN & RIDE

📅 14 Oktober 2023

📍 Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang

- Pihak MBPG telah membantu dalam kesiapsiagaan menghadapi apa juar kecederaan dan kemalangan sepanjang program Dynamic Sports Day 2023 ini. Selain itu, program saringan kesihatan untuk komuniti Pasir Gudang turut diadakan dengan kolaborasi Klinik Kesihatan Pasir Gudang.





PROGRAM HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA 2023 MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

"Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma"

📅 22 Oktober 2023

📍 Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang

- Tujuan program ini bukan sekadar memahami apa itu penyakit mental, tetapi stigma masyarakat terhadap penyakit itu sebenarnya memberi kesan lebih mendalam kepada pesakit berkenaan dan akhirnya boleh membawa kepada tindakan membunuh diri serta pelbagai implikasi kesihatan lain. Segmen bertajuk "Biar Tahu Jangan Keliru" telah disampaikan oleh Dr. Maryam Amaran, Pakar Psikiatri Hospital Permai Johor Bahru dan Cik Nur Marjanhanani binti Yahya, Pegawai Psikologi Klinikal Kesihatan Pasir Gudang. Seramai 500 orang telah menghadiri program ini.



LAPORAN KESIHATAN PEKERJAAN ANGGOTA KERJA MBPG 2023

📅 26 Oktober 2023

📍 Klinik Kesihatan Pasir Gudang

- Saringan kesihatan untuk warga kerja MBPG yang berisiko tinggi telah diadakan di Klinik Kesihatan Pasir Gudang dengan kerjasama pakar kesihatan awam daripada PKDJB. Seramai 42 orang warga kerja telah menjalani saringan ini.



PERBINCANGAN MENGENAI PROGRAM SUNTIKAN THYPHOID MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG BERSAMA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

📅 13 Disember 2023

📍 Majlis Bandaraya Johor Bahru

- Wakil MBPG daripada Unit Klinik MBPG, Bahagian IT dan Kewangan telah mengadakan perbincangan mengenai program suntikan Thypoid MBPG bersama Unit IT dan Kesihatan MBJB. Lawatan ini diadakan bagi melihat bagaimana operasi dan sistem suntikan vaksin di MBJB telah dijalankan.



JABATAN BANGUNAN

BAHAGIAN KELULUSAN DAN KAWALAN BANGUNAN

FUNGSI BAHAGIAN KELULUSAN BANGUNAN

1. UNIT PELAN BANGUNAN

- i. Menyediakan khidmat nasihat kepada Perunding Bertauliah (PT) untuk permohonan pelan bangunan bagi projek pembinaan di kawasan MBPG.
- ii. Mengadakan lawatan dan pemeriksaan tapak cadangan pembinaan untuk syor ulasan teknikal perakuan permohonan pelan bangunan.
- iii. Pengurusan dan penyelarasan permohonan pelan bangunan melalui sistem online (OSC 3 PLUS) dari semasa ke semasa.
- iv. Menguruskan permohonan pelan bangunan sehingga ke peringkat kelulusan penuh (*endorsement*).

2. UNIT PEMERIKSAAN BANGUNAN

- i. Mengadakan lawatan pemeriksaan tapak untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- ii. Memastikan pihak PSP telah mematuhi syarat pelan lulus dan syarat pemeriksaan untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- iii. Memastikan pembinaan yang telah siap di tapak mematuhi syarat-syarat seperti mana kelulusan Pelan Bangunan untuk sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- v. Pengurusan dan penyelarasan permohonan pemulangan wang amanah pelan bangunan selepas sokongan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan.
- vi. Melaksanakan pemeriksaan secara berkala bagi bangunan tinggi melebihi 5 tingkat yang berusia lebih 10 tahun.

3. UNIT PERMIT

- i. Pengurusan dan penyelarasan permohonan baru permit sementara.
- ii. Pengurusan dan penyelarasan permohonan pembaharuan permit sementara.
- iii. Pemantauan berkala bayaran tahunan permit sementara yang telah dijelaskan.
- iv. Menyediakan kertas kerja bagi cadangan kadar caj bayaran permit.

4. UNIT UT & SETARA

- i. Menyediakan khidmat rundingan kepada PSP serta pemilik kediaman berkenaan garis panduan.
- ii. Pengurusan dan penyelarasan permohonan Ubah Tambahan Rumah (UT) sehingga ke peringkat kelulusan dan proses tuntutan wang amanah.
- iii. Menyediakan kertas kerja bagi cadangan reka bentuk pelan Ubah Tambahan Rumah (UT) yang diselaraskan dengan garis panduan.

5. UNIT PENGUATKUASAAN

- i. Berkerjasama dengan Bahagian Pelesenan dalam proses pembaharuan dan permohonan lesen.
- ii. Pengurusan dan penyelarasan urusan penguatkuasaan, pembinaan bangunan, binaan/struktur haram tanpa kelulusan sehingga ke peringkat pendakwaan di bawah Akta 133.
- iii. Bertanggungjawab mengeluarkan notis lawatan dalam penguatkuasaan pembinaan bangunan dan ubahan tambahan bangunan tanpa kelulusan.
- iv. Pengurusan aduan awam terhadap pembinaan bangunan dan binaan/struktur haram tanpa kelulusan.
- v. Mengadakan lawatan tapak untuk membantu unit proses dalam memproses permohonan tuntutan wang amanah.



6. UNIT PENDAKWAAN

- Menyediakan laporan kertas siasatan untuk penguatkuasaan sehingga ke peringkat pendakwaan dibawah Akta 133.
- Pengurusan carian maklumat dan kerjasama dengan bahagian undang-undang untuk tindakan mahkamah bagi kes-kes pendakwaan di mahkamah.
- Penyelarasan tindakan susulan selepas tindakan mahkamah dikeluarkan.

LAPORAN BAHAGIAN KELULUSAN DAN KAWALAN BANGUNAN

UNIT PELAN & PEMERIKSAAN BANGUNAN, UNIT UT & SETARA, DAN UNIT PERMIT

BIL.	LAPORAN	TERIMA	SELESAI	TERIMAAN BAYARAN (RM)
1.	Jumlah permohonan kelulusan pelan bangunan (baru, ubahan tambahan & pindaan pelan).	132	132	15,820,063.22
2.	Jumlah permohonan sokongan sijil perakuan siap dan pematuhan.	60	60	-
3.	Jumlah permohonan kelulusan pelan ubahan tambahan rumah kediaman, kedai pejabat & pelan setara.	587	587	418,685.99
4.	Jumlah permohonan dan pembaharuan permit sementara bangunan.	934	934	3,221,020.08
5.	Jumlah permohonan dan pembaharuan permit sementara menara/ struktur telekomunikasi.	6	6	41,040.00

UNIT PENGUATKUASAAN DAN UNIT PENDAKWAAN

BIL.	LAPORAN	TERIMA	SELESAI	TERIMAAN BAYARAN (RM)
1.	Tindakan terhadap aduan-aduan awam yang diterima melalui Sistem SISPA, Ahli Majlis dan jabatan dalam.	123	121	-
2.	Proses rampasan Wang Amanah/Deposit Pelan (PB & UT).	243	243	245,000.00





BAHAGIAN PEMBANGUNAN PROJEK

FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN PROJEK

1. UNIT SENIBINA

- i. Pengurusan penyediaan cadangan pelan reka bentuk arkitek dan penyelarasan pelan bangunan bagi projek-projek khas MBPG.
- ii. Membuat semakan pelan cadangan arkitek yang disediakan oleh pihak perunding berkenaan reka bentuk bangunan yang selaras dengan pembangunan Pasir Gudang.
- iii. Pengurusan dan penyelarasan maklumat data attribute bagi Portal P'GEO 3.0 (GIS).

2. UNIT KEJURUTERAAN AWAM

- i. Menyediakan cadangan pelan struktur dan infrastruktur bagi pasca kontrak bagi projek-projek khas MBPG.
- ii. Membuat semakan pelan C&S yang disediakan oleh pihak perunding.
- iii. Pengurusan dan penyelarasan dengan Jabatan Perancang Bandar dan Landskap, Jabatan Kejuruteraan dan Unit Pusat Sehenti serta agensi yang terlibat bagi cadangan projek yang akan dibina selaras dengan pembangunan Pasir Gudang.

3. UNIT PENGURUSAN PROJEK

- i. Menyediakan kertas kerja cadangan projek-projek yang dilaksanakan untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan.
- ii. Menyediakan anggaran kos projek untuk dimasukkan ke dalam permohonan bajet tahunan MBPG.
- iii. Menyelaras dalam penyediaan jadual perancangan projek-projek yang akan dilaksanakan.
- iv. Bertanggungjawab membantu dalam memberikan syor kepada pihak pengurusan bagi proses pelantikan perunding bagi perlaksanaan projek.

4. UNIT PEMANTAUAN PROJEK

- i. Menguruskan, menyelaras dan menyelia pembangunan pasca kontrak bagi projek-projek khas MBPG.
- ii. Memastikan projek-projek MBPG dilaksanakan mengikut jadual dan kos yang telah ditetapkan.
- iii. Menyediakan laporan pelaksanaan projek-projek khas MBPG untuk dibentangkan kepada pihak pengurusan.

LAPORAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN PROJEK

UNIT REKABENTUK & DASAR

1. Cadangan kerja-kerja merekabentuk dan membina pusat perlindungan haiwan terbiar di PTD 5575, 81700 Pasir Gudang, Johor Darul Takzim.
2. Cadangan kerja-kerja pemulihan, pemuliharaan, ubahsuai dan naik taraf (PPUN) di bawah peruntukan pemerkasaan sektor pelancongan, kebudayaan dan warisan (2023) di bangunan Muzium Bukit Layang, 81700 Pasir Gudang, Johor.
3. Cadangan kerja-kerja menaik taraf medan semai niaga 1 tingkat jenis kekal, di atas lot PTD 146967, Taman Cendana, 81700 Pasir Gudang, Johor Darul Takzim.
4. Cadangan kerja-kerja menyediakan konti radio dan studio tv beserta peralatan kelengkapan penyiaran untuk Majlis Bandaraya Pasir Gudang
5. Cadangan kerja-kerja menaik taraf medan selera kebayan 1 tingkat jenis kekal, di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pasir Gudang, 81700 Pasir Gudang, Johor Darul Takzim.

JABATAN PERANCANG BANDAR & LANDSKAP

FUNGSI KAWALAN PERANCANGAN

MAKLUMAT TANAH

1. Membantu dalam penyediaan Laporan Semakan Teknikal bagi Permohonan Ulasan Tanah dari Pejabat Tanah (PTDJB) dalam tempoh masa 7 hari dari tarikh permohonan.
2. Membantu menyediakan laporan dan semakan pengesahan guna tanah daripada permohonan yang diterima.
3. Membuat laporan dan semakan teknikal sokongan lesen perletakan kenderaan APAD, NGO dan lain-lain.
4. Membuat pengemukaan permohonan pewartaan rizab di bawah Seksyen 62 dan Permohonan Hak Milik di bawah Seksyen 76 Akta Kanun Tanah Negara.

KAWALAN PERANCANGAN DAN PENGUATKUASAAN ZON UTARA & SELATAN

1. Memastikan pengurusan proses kawalan perancangan mematuhi Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
2. Membantu dalam penyediaan laporan tapak, laporan pemeriksaan KM dan kertas perakuan kebenaran merancang bagi permohonan kebenaran merancang.
3. Membantu dalam pelaksanaan *low carbon statement* di dalam proses permohonan kebenaran merancang.
4. Membantu melaksanakan penguatkuasaan undang-undang perancangan bagi apa-apa pemajuan yang tiada kebenaran merancang atau bercanggah dengan kebenaran merancang.
5. Membantu bagi memastikan apa-apa pemajuan perlu terlebih dahulu memperoleh kelulusan kebenaran merancang dan mematuhi syarat yang ditetapkan.
6. Membantu dalam penyediaan dasar-dasar perancangan bersesuaian dengan trend pembangunan.
7. Membantu membekalkan data guna tanah komited dan semasa diperlukan pengkalan data i-plan oleh JPBD Semenanjung Malaysia.
8. Menyelaras pengumpulan data maklumat *task force* Perumahan Mampu Biaya Johor di kawasan :
 - Sungai Tiram, Taman Bestari Perdana, Taman Cahaya Masai (Keluasan Kawasan: 17,839.63 Hektar).
 - Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Taman Air Biru, Taman Cendana, Taman Mawar (Keluasan Kawasan: 3,870.37 Hektar).

KAWALAN PERANCANGAN DAN PENGUATKUASAAN ZON UTARA & SELATAN

1. Memastikan pengurusan proses kawalan perancangan mematuhi Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
2. Membantu dalam penyediaan laporan tapak, laporan pemeriksaan Kebenaran Merancang (KM) dan kertas perakuan kebenaran merancang bagi permohonan kebenaran merancang.
3. Membantu dalam pelaksanaan *low carbon statement* di dalam proses permohonan kebenaran merancang.
4. Membantu melaksanakan penguatkuasaan undang-undang perancangan bagi apa-apa pemajuan yang tiada kebenaran merancang atau bercanggah dengan kebenaran merancang.
5. Membantu bagi memastikan apa-apa pemajuan perlu terlebih dahulu memperoleh kelulusan kebenaran merancang dan mematuhi syarat yang ditetapkan.
6. Membantu dalam penyediaan dasar-dasar perancangan bersesuaian dengan trend pembangunan.
7. Membantu membekalkan data guna tanah komited dan semasa diperlukan pengkalan data i-plan oleh JPBD Semenanjung Malaysia.
8. Menyelaras pengumpulan data maklumat *task force* Perumahan Mampu Biaya Johor di kawasan :
 - Tanjung Langsat, Taman Pasir Putih, Tanjung Puteri Resort, Taman Kota Masai (Keluasan Kawasan : 4,741.01 Hektar).
 - Taman Bukit Dahlia, Bandar Seri Alam, Taman Flora Height, Taman Nusa Damai, Taman Scientex, Taman Sierra Perdana (Keluasan Kawasan : 4,005.35 Hektar).



FUNGSI RANCANGAN PEMAJUAN

KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN/RANCANGAN KAWASAN KHAS

1. Melaksanakan penyediaan Kajian Rancangan Pemajuhan seperti Rancangan Tempatan/Rancangan Kawasan Khas di bawah sebagaimana di bawah peruntukan Seksyen 12 –16A, Akta Perancang Bandar & Desa 1976 (Akta 172).
2. Melaksanakan proses permohonan pengubahan Rizab Pengezonan Rancangan Tempatan mengikut Seksyen 13, 14, 15, 16 Akta Perancang Bandar & Desa 1976 (Akta 172) bagi tujuan publisiti berkaitan pengubahan zoning serta pendengaran awam.
3. Melaksanakan penyediaan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran (JSTA) untuk dibawa ke Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC).
4. Melaksanakan penyediaan Mesyuarat Teras, Mesyuarat Pasukan Kajian dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Rancangan Pemajuhan.

KAJIAN-KAJIAN LAIN

1. Melaksanakan penyediaan kajian dan program kementerian/Plan Malaysia/Kerajaan Negeri, DPN2, SGD, kajian yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor.
2. Kajian Semula Zon Antarabangsa Negeri Johor.
3. Kajian Semula Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor.
4. Kajian Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2 (RFZPPN2).

KAJIAN MURNINETS

1. Menyelaras *Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development* (MURNInets) berdasarkan Petunjuk 6 Dimensi:
 - Dimensi 1 : Ekonomi Berdaya Saing
 - Dimensi 2 : Kualiti Persekitaran Mampan
 - Dimensi 3 : Komuniti Sejahtera
 - Dimensi 4 : Gunatanah dan Sumber Asli
 - Dimensi 5 : Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien
 - Dimensi 6 : Urus Tadbir Efektif

BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN

BIL.	PERKARA	JUMLAH PERMOHONAN	JUMLAH TERIMA BAYARAN FI	SURAT KELULUSAN C1 / C2
1.	Kebenaran Merancang (Pendirian)	70		41
2.	Kebenaran Merancang (Susunatur)	10		6
3.	Kebenaran Merancang Sementara	12	RM 325,162.89	7
4.	Skim Komuniti Selamat	5		1
5.	Pelan Nama Jalan, Taman dan Bangunan	4		3



BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN DAN GIS

MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS (MIP) EXCELLENCE AWARDS

📅 16 Januari 2023

📍 Heritage Hotel Kuala Lumpur

- MBPG telah menerima anugerah perak bagi kategori Perancangan Strategik untuk Rancangan Tempatan Pasir Gudang 2030 (RTPG2030) yang telah diwartakan pada 17 November 2022. Dokumen ini telah mengambil masa 2 tahun dengan perunding yang dilantik iaitu Perunding UEP yang diketuai oleh TPr. Encik Abdul Halim bin Hassan, Ketua Perunding UEP. Turut hadir adalah Tuan Setiausaha MBPG, Encik Hafiz bin Aliman telah hadir bersama bagi wakil rasmi Datuk Bandar MBPG untuk menerima anugerah tersebut.





KAJIAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) INDUSTRI DAN PELABUHAN BANDARAYA PASIR GUDANG DAN DRAF KAJIAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) PINGGIRAN KAMPUNG KAMPUNG BANDARA PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sedang melaksanakan dua kajian iaitu Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Industri dan Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang dan Draf Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pinggiran Kampung Bandara Pasir Gudang. Kajian-kajian ini bertujuan untuk mengkaji keperluan semasa dan perancangan masa akan datang bagi semua kawasan perindustrian dan kawasan perkampungan terpilih di sekitar Pasir Gudang.

Matlamat kajian ini adalah menyediakan pelan tindakan pembangunan bagi pelaksanaan dan pengurusan kawasan industri dan pelabuhan dan kampung yang komprehensif dan berdaya laksana selaras dengan aspirasi pembangunan ke arah Bandaraya Pasir Gudang yang dinamik, berdaya saing, dan mampan.

Antara objektif kajian Draf RKK Industri dan Pelabuhan ini meliputi aspek:

- a. Menyediakan tindakan untuk menyuntik sinergi baru bagi memastikan kawasan perindustrian dan pelabuhan Pasir Gudang sebagai pusat tumpuan ekonomi.
- b. Menambah baik infrastruktur dan rangkaian lalu lintas sedia ada dengan lebih berkualiti dan optimum serta meningkatkan daya hidup ekonomi dan kualiti kehidupan.
- c. Mengenalpasti tindakan menaik taraf kawasan perindustrian sedia ada.
- d. Mencadangkan kaedah pembaharuan semula kawasan industri sedia ada bertujuan membangun semula kawasan perindustrian sedia ada.
- e. Menentukan parameter kawalan dan pemantauan ke arah memastikan kawasan perindustrian yang rendah karbon, mempunyai simbiosis industri hijau, bebas pencemaran, bersih, hijau dan pintar.
- f. Menyediakan pelan pengurusan pembangunan industri untuk menyokong pertumbuhan, pembangunan semula dan pembaharuan semula kawasan industri.

Kawasan RKK Industri dan Pelabuhan merangkumi kawasan guna tanah industri iaitu Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Kawasan industri di Taman Kota Masai, Bandar Seri Alam, Taman Tanjung Puteri Resort, Taman Pasir Putih, Taman Scientex, Kawasan Perindustrian Iskandar Halal Park dan Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Langsat dengan keluasan berjumlah 6,022.64 ekar.

Manakala bagi RKK Pinggiran Kampung merangkumi aspek pelaksanaan ke arah kampung sejahtera, kondusif dan berdaya huni :

- a. Penyusunan semula kampung-kampung.
- b. Penyediaan infrastruktur dan utiliti yang berkualiti dan berterusan.
- c. Liputan telekomunikasi menyeluruh dengan internet berkelajuan tinggi.
- d. Menaik taraf dan menyusun semula jaringan perhubungan kampung.
- e. Meningkatkan aktiviti ekonomi desa.
- f. Pelaksanaan program-program pembangunan modal insan.
- g. Menyediakan kemudahan awam yang mencukupi dan berkualiti.
- h. Mempromosikan aktiviti sosio budaya kampung.
- i. Pengindahan landskap kampung, pembinaan pintu masuk/ gerbang/ mercu tanda.
- j. Kawalan tebing sungai.
- k. Kawalan alam sekitar dan pencemaran.
- l. Pengurusan saliran, kutipan sisa dan penyelenggaraan.

Terdapat 14 kawasan kampung yang terkandung dalam Kajian RKK Pinggiran Kampung iaitu; Kg. Kong-Kong, Kg. Cahaya Baru, Kg. Sungai Tiram, Kg. Mulia , Kg. Sungai Rinting, Kg. Pertanian, Kg. Sepakat, Kg. Kuala Masai, Kg. Pasir Gudang Baru, Kg. Teluk Kabung, Kg. Pasir Puteh, Kg. Perigi Acheh, Kg. Tanjung Langsat, Kg. Sentosa dengan keluasan 1,127.93 ekar.

Tempoh kajian disasarkan selama 6 bulan bermula pada 16 mei 2023 dan dijangka siap sepenuhnya pada 15 november 2023. Kajian ini meliputi 3 peringkat iaitu Laporan Pendekatan Kajian, Laporan Draf Awal dan Laporan Akhir termasuk beberapa *Focus Group Discussion* (FGD) bersama pemegang taruh, ketua-ketua kampung, agensi kerajaan dan ketua-ketua serta wakil jabatan MBPG.

Setelah penyediaan Laporan Draf RKK ini, peringkat seterusnya adalah peringkat publisiti dan pernyataan awam yang akan bermula pada 28 Januari - 27 Februari 2024 bagi memenuhi keperluan Akta 172 dan setelah selesai sesi bantahan peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam (JSTPA) untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) atau State Planning Committee (SPC) bagi tujuan pewartaan.



AKTIVITI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN DAN GIS TAHUN 2023

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Focus Group Discussion RKK Industri dan Pelabuhan dan RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang di Colombus 2 Ballroom, Trove Hotel Johor Bahru.	1-2 Ogos 2023
2.	Focus Group Discussion RKK Industri dan Pelabuhan dan RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang di aras 3, Dewan Cempaka Jingga, MBPG.	16-17 Oktober 2023
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal RKK Industri dan Pelabuhan dan RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang bil.1 di UTC Pasir Gudang.	27 Jun 2023
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal RKK Industri dan Pelabuhan dan RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang bil. 1 di Opero Hotel Johor Bahru.	6 September 2023
5.	Lawatan Penanda Aras Teknikal Bagi RKK Industri dan Pelabuhan dan RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang di Toyo - Yokohoma Japan.	27 September – 2 Oktober 2023
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal RKK Industri Dan Pelabuhan Dan RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang Bil. 3 di Hatten Hotel Melaka.	27 November 2023



Focus Group Discussion RKK Industri dan Pelabuhan dan RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang di Colombus 2 Ballroom, Trove Hotel Johor Bahru.



Focus Group Discussion RKK Industri dan Pelabuhan dan RKK Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang di aras 3, Dewan Cempaka Jingga, MBPG.



BAHAGIAN LANDSKAP

FUNGSI BAHAGIAN LANDSKAP

1. Unit Pembangunan Projek

- i. Menyelaras projek pembangunan atau menaik taraf landskap dan pengurusan penyelenggaraan landskap (*soft scape* iaitu pokok, kelompok pokok, tanaman renek, rumput dan *hard-scape* seperti pejalan kaki, wakaf, perabot landskap, kolam air pancuran, air terjun), tasik, padang, taman permainan kanak-kanak serta kawasan rekreasi dan taman awam dan tapak semaian.
- ii. Menyediakan kertas kerja dan pelan reka bentuk untuk tujuan permohonan peruntukan projek pembangunan dan naik taraf termasuk kerja-kerja penyelenggaraan landskap kepada pihak kementerian dan agensi luar.
- iii. Menyelaras penyediaan/kemas kini pelan induk landskap Pasir Gudang selaras dengan hala tuju dan perancangan strategik Majlis Bandaraya Pasir Gudang setiap 10 tahun.
- iv. Memastikan pembangunan landskap oleh setiap pemaju mematuhi dasar dan garis panduan yang ditetapkan dengan semakan pelan-pelan susun atur landskap yang dicadangkan.
- v. Menyelaras penyediaan dasar dan garis panduan pembangunan dan pengurusan landskap selari dengan pelan induk landskap Pasir Gudang.
- vi. Menyelaras projek pembangunan landskap, pengindahan kawasan di dalam kawasan pentadbiran MBPG.
- vii. Menyelaras permohonan pelan pembangunan landskap yang dikemukakan oleh pemaju mengikut garis panduan, membentangkan dan mengesyorkan kelulusan di peringkat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).
- viii. Memastikan penguatkuasaan Undang-undang Kecil Taman Dan Kawalan Pembangunan Landskap MBPG termasuk Akta-akta yang berkaitan dengan aktiviti rekreasi dipatuhi.
- ix. Melaksanakan pengindahan landskap supaya fungsi jabatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

2. Unit Pengurusan Rekreasi dan Taman

- i. Menyelaras pembangunan landskap di kawasan hijau, kawasan lapang, kawasan rekreasi, taman awam dan rezab yang dibenarkan dengan penyediaan konsep pembangunan.
- ii. Menyediakan anggaran kos dan mengesahkan pelan reka bentuk dan pelan persembahan untuk kelulusan Datuk Bandar Pasir Gudang.
- iii. Menyelaras program bersama komuniti (*community engagement*) untuk pembangunan dan penyelenggaraan landskap kawasan penempatan masyarakat dengan tujuan memberikan pendedahan serta pendidikan sayangi alam sekitar, bertanggungjawab ke atas harta awam serta ilmu berkaitan tanaman ke arah bandar raya rendah karbon.
- iv. Menyelaras dan menyediakan pelaporan, kertas kerja dan aktiviti LA21 berkaitan landskap bagi memastikan berjalan dengan lancar.
- v. Menyelaras Program Bandar Rendah Karbon berkaitan inisiatif Kebun Komuniti.
- vi. Melaksanakan pengurusan penyelenggaraan landskap dan operasi di taman komuniti dilaksanakan dengan berkesan.
- vii. Menyelaras dan mengawal selia pengurusan taman (Awam/Komuniti) dan kerja-kerja penyelenggaraan landskap serta fasiliti taman-taman awam agar fungsi jabatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- viii. Mengurus menyelia dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan landskap serta kemudahan rekreasi termasuk memotong rumput, membersih kawasan di Taman Bandar, Taman Tasik Perdana, Tasik Dahlia, Laman Rekreasi Sungai Buloh, Bakau dan X-Treme Park.
- ix. Menyelaras dan pemantauan aktiviti-aktiviti penyewaan yang dijalankan di taman-taman awam serta memastikan kebersihan dan tiada kerosakan berlaku sewaktu aktiviti dijalankan.



3. Unit Pengurusan Landskap dan Operasi

i. Selenggara pokok utama

- Menyediakan draf peruntukan bagi penyelenggaraan pokok utama dan rumput di Jalan Protokol.
- Mengenal pasti, menilai dan membuat penilaian awal keperluan penyelenggaraan pokok dan rumput.
- Mengawas dan menyelia serta menyediakan laporan aktiviti-aktiviti kerja kontraktor.
- Menyediakan, menyemak dan membuat perakuan tuntutan bayaran.
- Menguruskan tebang cantas pokok di sekitar kawasan pentadbiran MBPG mengikut zon landskap.
- Menguruskan aduan yang telah dibuat oleh orang awam.
- Membuat program penyelenggaraan pokok termasuk pokok warisan.
- Membuat tindakan kecemasan apabila berlaku pokok tumbang.
- Melaksanakan kerja-kerja pemangkasan pokok/penebangan pokok dan pembersihan sisa-sisa pemangkasan pokok/penebangan pokok.
- Bertanggungjawab ke atas kerja-kerja inventori pokok dan kawalan sistem.

ii. Tapak semaian

- Memastikan tapak semaian sentiasa tersedia, selamat dan berfungsi.
- Menguruskan tempahan dan permohonan/sewaan anak-anak pokok dan perkhidmatan hiasan program-program yang berkaitan dengan landskap di kawasan pentadbiran majlis.
- Menguruskan aset tanaman termasuk menyediakan senarai semakan bagi hiasan pokok termasuk kerja-kerja rekod terimaan dan daftar keluar masuk tanaman melalui sistem SPAT.
- Membuat kerja-kerja selenggara seperti menyiram, membaja, merumput, meracun dan sebagainya dalam kawasan tapak semaian.
- Membersihkan longkang, pasu-pasu dan kebersihan kawasan.
- Membiaik anak-anak pokok baru.
- Mengambil dan menyusun semula anak-anak pokok ke dalam blok setelah kerja-kerja hiasan.
- Mengamalkan cara kerja yang konsisten dan amalan EKSA.
- Bertanggungjawab menguruskan landskap di bawah pentadbiran MBPG serta memastikan kawasan sentiasa dalam keadaan baik, selamat dan kemas dan terjaga.

iii. Pengurusan penyelenggaraan zon/penyelenggaraan padang

- Bertanggungjawab merancang dan menguruskan penyelenggaraan landskap/operasi dan padang bola sepak di bawah pentadbiran MBPG serta memastikan kawasan sentiasa dalam keadaan baik, selamat dan terjaga.
- Menguruskan kerja-kerja selenggara seperti membaja, menyiram dan merumput dan kawasan landskap oleh pihak kontraktor.
- Menyediakan draf peruntukan bagi penyelenggaraan landskap dan rumput.
- Mengenal pasti, menilai dan membuat penilaian awal keperluan penyelenggaraan landskap dan padang bola sepak.
- Mengawas dan menyelia serta menyediakan laporan aktiviti-aktiviti kerja kontraktor.
- Melaksanakan cadangan pengurusan penyelenggaraan landskap dan operasi serta dokumentasi berkaitan lantikan.
- Menyediakan dan menyemak dan membuat perakuan tuntutan bayaran.
- Menyelaras pengurusan penyelenggaraan landskap lembut dan kejur termasuk tapak permainan kanak-kanak.

4. Unit Pentadbiran

- Membantu Ketua Jabatan/Bahagian melaksanakan tugas pentadbiran pejabat.
- Melaksanakan tugas perkeranian dan menguruskan hal ehwal pentadbiran pejabat.
- Menguruskan dan mengawasi fail-fail bahagian agar sentiasa bersistematis dan berkeadaan baik.
- Menyediakan dan mengemaskini laporan bulanan bahagian pengurusan projek dan penyelenggaraan.
- Menyedia/atau menaip surat-surat keluar yang berkaitan dengan jabatan.
- Menyedia/menaip memo berkaitan jabatan.
- Mengemaskini kerja-kerja pengrekodan surat-surat dan fail jabatan.
- Menyediakan laporan dan pembentangan untuk mesyuarat jawatankuasa tetap MBPG.
- Menyediakan daftar rekod bagi semua pemborong-pemborong baru.



- x. Menyediakan sokongan bayaran pemborong-pemborong untuk pembayaran.
- xi. Menguruskan dan menyediakan bekalan alat tulis atau barang-barang jabatan.
- xii. Menguruskan tuntutan lebih masa dan perjalanan jabatan dalaman.
- xiii. Menyediakan dan membuat invois bayaran penyewaan/wang amanah taman-taman awam dan hiasan pentas/invois bayaran pemulangan wang amanah.
- xiv. Membantu melaksanakan objektif dan fungsi jabatan selaras dengan dasar dan manual kerja yang ditetapkan.

LAPORAN BAHAGIAN LANDSKAP TAHUN 2023

LAPORAN PROJEK SIAP BAHAGIAN LANDSKAP TAHUN 2023

BILANGAN PROJEK KESELURUHAN

NILAI (RM)

8

RM8,027,180,50

SENARAI PROJEK SIAP TAHUN 2023



